

**PINJAMAN PERIBADI/PEMBIAYAAN PERIBADI-i: KEMPEN “BLOOMING PROSPERITY”**

Kemaskini terakhir pada 20 Disember 2022

**TEMPOH KEMPEN**

Kempen “Blooming Prosperity” Pinjaman Peribadi/Pembayaan Peribadi-i” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 05 Januari 2023 dan tamat pada 31 Mac 2023, (“**Tempoh Kempen**”) kecuali dimaklumkan sebaliknya.

**TERMA & SYARAT**

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen (“**T&S**”):-

**KELAYAKAN**

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia yang merupakan pemegang akaun perseorangan dengan Bank yang sedia ada dan baharu (“**Pelanggan**”) yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:
  - (a) Berumur antara 21 hingga 60 tahun;
  - (b) Bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000) setahun; dan
  - (c) Tidak mempunyai sebarang baki tertunggak atas mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembayaan Peribadi-i HLISB sedia ada sebelum Tempoh Kempen (terpakai kepada Pelanggan sedia ada sahaja).
2. Berikut yang **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen:
  - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki oleh Bank melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisyiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
  - (b) Kakitangan tetap dan kakitangan kontrak dengan Bank; dan
  - (c) Pelanggan yang memegang lebih daripada satu (1) Kemudahan (definisi tertakluk di Jadual 1 di bawah) sedia ada dengan pihak Bank (terpakai kepada Pelanggan sedia ada sahaja).

**MEKANIK KEMPEN**

3. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi terma yang berikut sepanjang Tempoh Kempen:
  - (a) Memohon untuk sekurang-kurangnya satu (1) daripada produk Kemudahan berikut dengan Amaun Kemudahan dan Tempoh Kemudahan seperti yang tertakluk di Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1**

Kemudahan	Amaun Kemudahan*		Tempoh Kemudahan
	Amaun Minimum	Amaun Maksimum	
Pinjaman Peribadi HLB	RM5,000	RM250,000	2 hingga 5 tahun
Pembayaan Peribadi-i HLISB	RM5,000	RM150,000	
Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB	RM5,000	RM250,000	
Pembayaan Peribadi-i Penggabungan Baki HLISB	RM5,000	RM150,000	

\*Untuk mengelakkan dari sebarang keraguan, amaun Kemudahan diluluskan tidak semestinya bersamaan dengan amaun Kemudahan yang dipohon oleh Pelanggan.

Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB secara kolektifnya dikenali sebagai “**Kemudahan PF**”, manakala Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB dan Pembiayaan Peribadi-i Penggabungan Baki HLISB secara kolektifnya dikenali sebagai “**Kemudahan PFC**”. Kedua-dua Kemudahan PF dan Kemudahan PFC secara kolektifnya akan dikenali sebagai “**Kemudahan**”.

- (b) Permohonan untuk Kemudahan boleh dihantar melalui mana-mana satu saluran permohonan seperti yang tertakluk di Jadual 2 berikut:

**Jadual 2**

Saluran Permohonan	Kemudahan yang Berkenaan	Platforms
Luar Talian	Kemudahan PF dan Kemudahan PFC	Cawangan Bank, Jualan melalui Telefon, Tablet Jualan dan Perkhidmatan
Dalam Talian	Kemudahan PF dan Kemudahan PFC	Laman Sesawang Bank di <a href="http://www.hlb.com.my">www.hlb.com.my</a> atau <a href="http://www.hlispb.com.my">www.hlispb.com.my</a> (“ <b>Laman Sesawang Bank</b> ”)
HLB Connect	Kemudahan PF	Perbankan Dalam Talian HLB Connect

Sehubungan dengan itu, Pelanggan yang memilih untuk membuat permohonan melalui saluran HLB Connect mestilah memenuhi semua kriteria di bawah:

- (i) Mempunyai Akaun Semasa/Akaun Semasa-i dan/atau Akaun Simpanan/Simpanan-i individu HLB/HLISB yang sah dan aktif;
- (ii) Tidak mempunyai sebarang Kemudahan sedia ada (seperti dalam Jadual 1 di atas) dengan Bank semasa peringkat permohonan untuk menyertai Kempen ini dan
- (iii) Merupakan pengguna berdaftar HLB Connect.

Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausa 3 di atas akan dirujuk sebagai “**Pelanggan yang Layak**”.

**Kadar Faedah/Keuntungan Rata dan Rebат Bayar-Tepat-Pada-Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan untuk Kemudahan**

**A) Kadar Faedah/Keuntungan Rata atas Jumlah Faedah/Keuntungan untuk Kemudahan**

4. Permohonan untuk Kemudahan bagi Pelanggan yang Layak yang telah diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 30 April 2023 layak untuk menikmati **Kadar Faedah/Keuntungan Rata** masing-masing bergantung kepada Saluran Permohonan, Jenis Produk, Pendapatan Bulanan Sah dan Jumlah Kemudahan (definisi seperti di Jadual 3 di bawah):

**Jadual 3**

Saluran Permohonan	Jenis Produk	Pendapatan Bulanan yang Sah	Jumlah Kemudahan	Kadar Faedah/Keuntungan Rata	Rebat Bayar Tepat Pada Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan	Tempoh Kemudahan
Luar Talian	Kemudahan PF	RM2,000 – RM7,999	RM5,000 – RM250,000	9.50% setahun	30%	2 hingga 5 tahun
		RM8,000 – RM19,999			50%	
		RM20,000 dan ke atas			60%	
Luar Talian & Laman Sesawang Bank	Kemudahan PFC	RM2,000 – RM7,999		9.50% setahun	30%	
		RM8,000 – RM19,999			50%	
		RM20,000 dan ke atas			60%	
Laman Sesawang Bank	Kemudahan PF	RM2,000 – RM7,999		8.00% setahun	Tiada	2 hingga 5 tahun
		RM8,000 dan ke atas		6.00% setahun		
HLB Connect	Kemudahan PF	RM2,000 dan ke atas	RM5,000 – RM49,000	6.00% setahun		
			RM50,000 – RM250,000	5.00% setahun		

Nota: Kadar Faedah/Keuntungan efektif berbeza seperti berikut bergantung kepada tempoh pinjaman/pembiayaan-i dari 2 – 5 tahun kecuali dinyatakan sebaliknya:

- (i) Kadar Faedah/Keuntungan Rata 5.00% setahun – Kadar Faedah/Keuntungan efektif berkisar dari 9.15% setahun hingga 9.32% setahun.
- (ii) Kadar Faedah/Keuntungan Rata 6.00% setahun – Kadar Faedah/Keuntungan efektif berkisar dari 10.85% setahun hingga 11.13% setahun.
- (iii) Kadar Faedah/Keuntungan Rata 8.00% setahun – Kadar Faedah/Keuntungan efektif berkisar dari 14.13% setahun hingga 14.68% setahun.
- (iv) Kadar Faedah/Keuntungan Rata 9.50% setahun – Kadar Faedah/Keuntungan efektif berkisar dari 16.50% setahun hingga 17.29% setahun.

Untuk mengelakkan dari sebarang keraguan, Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan oleh Bank melalui e-mel yang didaftar dalam sistem HLB tentang kelayakan untuk menikmati Kadar Faedah/Keuntungan Rata apabila permohonan mereka telah diluluskan.

#### B) Bayar-Tepat-Pada-Masa Atas Jumlah Faedah/Keuntungan untuk Kemudahan

5. Permohonan untuk Kemudahan bagi Pelanggan yang Layak yang telah diluluskan dan disalurkan pada/sebelum 30 April 2023 dan membayar ansuran bulanan untuk Kemudahan pada/sebelum tarikh akhir setiap bulan semasa Tempoh Kemudahan (“**Pelanggan Memenuhi Syarat**”) akan layak menerima Rebat Bayar-Tepat-Masa di atas Jumlah Faedah/Keuntungan yang perlu dibayar (“**Rebat**”)

seperti mana yang tertakluk di Jadual 3 di atas. Rebат ini TIDAK terpakai untuk Pelanggan yang Layak yang memohon untuk Kemudahan PF melalui laman sesawang Bank dan/atau HLB Connect.

6. Rebат akan dikreditkan kepada akaun Kemudahan Pelanggan Memenuhi Syarat setiap bulan selepas tarikh akhir ansuran bulanan yang ketiga belas (13) dan bulan berikutnya sehingga bulan keenam (6) sebelum ansuran terakhir untuk Kemudahan (“**Tempoh Rebат**”). Oleh itu, **Tempoh Rebат akan sentiasa lapan belas (18) bulan kurang daripada Tempoh Kemudahan**. Sebagai contoh, untuk Kemudahan enam puluh (60) bulan, Tempoh Rebат adalah empat puluh dua (42) bulan.
7. Contoh untuk ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Pelanggan Layak yang memohon melalui saluran Luar Talian semasa Tempoh Kempen untuk Kemudahan PF sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) dan mempunyai Pendapatan Bulanan Sah Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) untuk Tempoh Kemudahan PF selama lima (5) tahun dengan Rebат sebanyak 30% adalah seperti yang diilustrasikan di Jadual 4 dan Jadual 5 di bawah:

Jadual 4

Amaun Kemudahan PF*	Tempoh Kemudahan PF (Tahun)	Kadar Faedah/Keuntungan Rata (setahun) atas Amaun Kemudahan PF	Jumlah Faedah/Keuntungan Yang Perlu Dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan PF	Ansuran Bulanan semasa Tempoh Tanpa Rebат**
(a)	(b)	(c)	(d) = a x b x c	(e) = (a + d) / (b x 12)
RM50,000	5	9.50% setahun	RM23,750	RM1,230

\*0.50% daripada Amaun Kemudahan PF akan ditolak daripada Kemudahan PF semasa penyaluran untuk cukai setem yang perlu dibayar atas Kemudahan PF tersebut.

\*\*Ansuran bulanan semasa tempoh tanpa rebat akan dibundarkan ke atas kepada Ringgit Malaysia Lima (RM5) terdekat.

Jadual 5

Rebat 30% atas Jumlah Faedah/Keuntungan yang Perlu Dibayar Sepanjang Tempoh Kemudahan PF	Rebat Bulanan yang akan diterima sepanjang Tempoh Rebат	Ansuran bulanan selepas Rebат semasa Tempoh Rebат
(a)	(b) = (a) / Tempoh Rebат	(c) = Ansuran Bulanan – (b)
RM23,750 x 30% = RM7,125	RM7,125 / 42 bulan = RM169***	RM1,230 – RM169 = RM1,061

\*\*\*Rebat bulanan akan dibundarkan ke bawah kepada Ringgit Malaysia Satu (RM1) terdekat.

**Illustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk Kemudahan PF sebanyak RM50,000 untuk tempoh lima (5) tahun dengan Rebат sebanyak 30% yang berkenaan adalah seperti berikut:-**



Nota: Tempoh Rebat diwakili oleh kawasan yang berwarna biru.

8. Pelanggan Memenuhi Syarat yang layak menerima Rebat akan dimaklumkan oleh Bank pada bulan ketiga belas (13) Tempoh Kemudahan, berdasarkan alamat terkini yang diberikan oleh Pelanggan tersebut seperti yang terdapat di dalam rekod Bank.
9. Untuk mengelakkan daripada sebarang keraguan, Rebat bulanan yang dikreditkan kepada akaun Kemudahan Pelanggan Memenuhi Syarat semasa Tempoh Rebat seperti yang tertera di Klausu 6 di atas akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan atas ansuran bulanan. Sehubungan itu, ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Pelanggan Memenuhi Syarat adalah selepas potongan amaun Rebat bulanan. Pelanggan Memenuhi Syarat boleh menghubungi Bank untuk maklumat mengenai ansuran bulanan yang perlu dibayar. Ia merupakan tanggungjawab Pelanggan Memenuhi Syarat untuk memaklumkan Bank secara bertulis selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh matang ansuran bulanan bulan ketiga belas (13) dan/atau bulan-bulan berikutnya jika tidak menerima Rebat bulanan. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan Memenuhi Syarat akan dianggap telah menerima Rebat bulanan tersebut daripada pihak Bank.
10. Kelayakan Pelanggan Memenuhi Syarat untuk menerima Rebat akan dibatalkan dan bayaran Rebat berikutnya akan dihentikan segera sekiranya salah satu daripada situasi yang berikut berlaku:
  - (a) Pelanggan Memenuhi Syarat gagal membayar sebarang ansuran bulanan untuk Kemudahan sebelum/pada tarikh akhir semasa Tempoh Kemudahan atau mana-mana jumlah lain yang dihutang di bawah dan berkait dengan Kemudahan apabila diminta oleh Bank;
  - (b) Notis penyelesaian awal diberi oleh Pelanggan Memenuhi Syarat sebelum kematangan Tempoh Kemudahan; atau
  - (c) Pelanggan Memenuhi Syarat telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan penggunaan Kemudahan.

## UMUM

11. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini:
  - (i) mengesahkan bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju dengan T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB;
  - (ii) megesahkan bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Notis Privasi Bank yang boleh didapati di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) dan [www.hlispb.com.my](http://www.hlispb.com.my);
  - (iii) bersetuju untuk melayari [www.hlb.com.my/plonline](http://www.hlb.com.my/plonline), [www.hlb.com.my/plbranch](http://www.hlb.com.my/plbranch) and [www.hlb.com.my/pfc](http://www.hlb.com.my/pfc) ("Laman Sesawang Kempen") pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikuti sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
  - (iv) bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 30 April 2023. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak membekalkan semua dokumen berkaitan tepat pada

waktunya, Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan sebelum/pada 30 April 2023;

- (v) bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan dan/atau amaun Kemudahan diluluskan) adalah muktamad, akhir dan mengikat atas semua Pelanggan yang Layak; dan
- (vi) bersetuju akan bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen.

12. Bank berhak untuk:

- (i) menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang tidak layak;
- (ii) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini sebagai akibat ketidakpatuhan kepada T&S yang terdapat di sini; dan
- (iii) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang Kempen, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.

13. T&S yang terkandung di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.

14. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Kempen akan diguna pakai.

15. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

16. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan dengan terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami. Sebagai alternatif, sila hubungi Bank melalui e-mel di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau telefon di 03-76268899.